

20/02/2003

Garis panduan baru guru terima insentif

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Semua guru yang mengajar subjek Bahasa Inggeris serta Sains

dan Matematik dalam bahasa itu sekurang-kurangnya mengikut jumlah minimum

waktu yang ditetapkan dalam seminggu, layak menerima Insentif Subjek Pendidikan.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata garis panduan baru berhubung jumlah waktu minimum yang melayakkan guru terbabit menerima insentif berkenaan ditentukan sendiri oleh kementerian.

Berikutan keputusan itu, semua guru Bahasa Inggeris serta yang terbabit

pelaksanaan dasar baru pengajaran Sains dan Matematik layak menerima insentif berkenaan.

"Pekeliling mengenai perkara ini sudah diedarkan kepada semua ketua bahagian dan pengarah pendidikan negeri pada 6 Februari lalu.

"Guru akan menerima insentif mulai tarikh pelaksanaannya iaitu 1 Januari

lalu. Dengan itu, mereka akan mendapat tunggakan bayaran insentif itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan di sini, semalam.

Jumlah minimum pengajaran subjek Sains dan Matematik di tingkatan satu ialah lima waktu seminggu manakala Bahasa Inggeris pula enam waktu seminggu.

Jumlah minimum pengajaran di tahun satu sekolah kebangsaan pula ialah tiga waktu seminggu bagi subjek Sains dan tujuh waktu seminggu bagi Matematik.

Pengajaran Bahasa Inggeris pula mengambil masa antara lapan waktu seminggu bagi tahap satu dan tujuh waktu seminggu bagi tahap dua.

Mengikut pekeliling yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 28 Disember lalu dan berkuat kuasa pada 1 Januari tahun ini, hanya guru yang mengajar sekurang-kurangnya 20 waktu di sekolah rendah dan 15 waktu di sekolah menengah layak menerimanya.

Guru siswazah yang mengajar subjek terbabit akan menerima elaun bulanan

itu sebanyak lima peratus daripada pendapatan asas mereka manakala lepasan

diploma pula 10 peratus daripada pendapatan asas.

Musa berkata, berdasarkan syarat awal yang ditetapkan oleh JPA itu, tidak ramai guru layak menerima insentif berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu yang dibincangkan dengan JPA dan kemudian bersetuju supaya Kementerian Pendidikan sendiri menetapkan syarat berkenaan.

Beliau juga berkata, setakat ini pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris di sekolah berjalan lancar dan tiada

sebarang aduan besar diterima, kecuali masalah teknikal untuk menyambung komputer dengan televisyen yang digunakan di sekolah kecil.

Mengenai jawatankuasa khas dipengerusikan bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohamad Noor untuk mengkaji kurikulum sekolah kebangsaan, Musa berkata, ia akan melaporkannya kepada jawatankuasa induk

dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, walaupun jawatankuasa induk tidak menetapkan tempoh tertentu supaya jawatankuasa khas itu menyampaikan laporannya, mereka diharapkan berbuat demikian secepat mungkin.

Berkaitan tawaran untuk guru sekolah agama rakyat (SAR) menyertai sekolah kerajaan pula, katanya, tempoh sehingga 28 Februari ini tidak akan dilanjutkan.

"Kita rasa tempoh sebulan itu sudah memadai. Ini berbeza tindakan melanjutkan tempoh pendaftaran pelajar kerana pelbagai latar belakang ibu bapa memerlukan masa memahami tindakan kita.

"Kita rasa guru sudah memahami hasrat kita. Oleh itu, tiada sebab melanjutkan tempoh itu," katanya.